



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (B)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEGAWAI IMIGRESEN KANAN (C.1-2 EB.3)  
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI IMIGRESEN KANAN  
JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
C.1-2 EB.3 (\$1,280-\$2,270 EB KHAS \$2,340 – \$2,620 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = ENAM (06)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a. *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b. Telah berkhidmat di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai Pegawai Imigresen dalam tangga gaji D.1 atau sebanding selama tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tangga gaji D.3 atau sebanding selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Berkemahiran dalam penggunaan komputer adalah kelebihan.
3. Berkemahiran serta fasih berkomunikasi, menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
4. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terhadap perkara yang berhubung kait dengan tugas-tugas yang diamanahkan termasuklah arahan-arahan yang diberikan dari semasa ke semasa;
2. Bertanggungjawab kepada Ketua Pegawai Imigresen yang mengetuai Bahagian-Bahagian di mana ia ditugaskan;
3. Membantu Ketua Pegawai Imigresen dalam membuat perancangan bagi perkembangan sesuatu Pos-Pos Kawalan atau Bahagian yang diamanahkan;
4. Bertanggungjawab terhadap pentadbiran pegawai-pegawai di bawah jagaan masing-masing jika ditugaskan di Pos Kawalan untuk mengetuai sesuatu Bahagian (Ketua Syif);



5. Memastikan pegawai-pegawai yang berada di bawah jagaan melaksanakan arahan-arahan yang diterima dari pihak Pengarah dan pegawai-pegawai atasan yang lain;
6. Memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat diselesaikan dengan sempurna oleh pegawai-pegawai di bawah Bahagian masing-masing;
7. Bertanggungjawab terhadap permasalahan yang dihadapi oleh Pos Kawalan termasuklah dalam hal yang berkaitan dengan kakitangan, pemeliharaan bangunan dan harta benda yang ada jika diamanahkan untuk mengetuai Pos Kawalan; dan
8. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.